

# TIGER BALM® PLASTER - RD

Camphor / Mentha Oil/ Eucalyptus Oil/ Menthol / Capsicum Extract Oil (1.0g/ 0.6g/ 0.5g/ 0.3g/ 0.2g)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Tiger Balm Plaster-RD*
2. Bagaimana *Tiger Balm Plaster-RD* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Tiger Balm Plaster-RD*.
4. Cara menggunakan *Tiger Balm Plaster-RD*
5. Semasa menggunakan *Tiger Balm Plaster-RD*.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Tiger Balm Plaster-RD*.
8. Maklumat Lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan *Tiger Balm Plaster-RD*

Memberi kelegaan yang berkaitan dengan sengal otot, ketegangan leher dan bahu, terseliuh, sakit belakang dan sakit arthritis.

## Bagaimana *Tiger Balm Plaster-RD* berfungsi

Mempunyai kesan dingin kepanasan yang ringan, anti keradangan dan kesan analgesik. Apabila diletakkan di kawasan kulit yang terjejas, ia akan memberi kesan penyejukan diikuti dengan rasa hangat selama tempoh beberapa jam.

## Sebelum menggunakan *Tiger Balm Plaster-RD*

**-Bila tidak boleh menggunakannya**  
Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap mana-mana bahan ubat itu.

**-Sebelum mula menggunakannya**  
Boleh menyebabkan alahan kepada sesetengah individu yang berkulit sensitif. Sebelum menggunakannya,

cuba pada permukaan kulit yang lebih kecil terlebih dahulu

## Cara menggunakan *Tiger Balm Plaster-RD*

**-Berapa banyak harus digunakan**  
Gunakan satu plaster di kawasan yang terjejas.

### -Bila boleh menggunakan

Gunakannya apabila merasa sakit pada badan, leher dan bahu, sakit belakang dan sakit arthritis.

### -Berapa lama atau kerap perlu digunakan

Disyorkan untuk menggunakan 1-2 plaster sehari untuk tempoh 6-8 jam bagi setiap penggunaan. Maksimum 7 hari penggunaan.

### -Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor bagi langkah yang harus dilakukan jika terlupa menggunakan. Anda akan berusur mengalami simptom kesakitan

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda atau orang lain telah menggunakan plaster ubat secara berlebihan, sila dapatkan nasihat doktor atau pergi ke bahagian kecemasan hospital dengan segera. Lakukannya walaupun tiada tanda ketidaksesuaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan.

## Semasa menggunakan *Tiger Balm Plaster-RD*

**-Perkara yang perlu dilakukan:**  
Wanita hamil dan menyusu perlu mendapatkan nasihat doktor sebelum menggunakannya.

## -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan menggunakan *Tiger Balm Plaster-RD* pada luka terbuka atau kulit yang gatal.
- Jangan membaliut terlalu ketat
- Jangan gunakan pada bayi di bawah umur 2 tahun.
- Langkah berhati-hati perlu diambil semasa merawat kanak-kanak.
- Elakkan sentuhan secara langsung dengan hidung dan mata,
- Berhenti menggunakan jika terdapat kesan iritasi pada kulit.
- Untuk kegunaan luar sahaja. Jauhi daripada kanak-kanak.

## Kesan-kesan sampingan

Boleh menyebabkan tindak balas alergi bagi sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web <http://www.npra.moh.gov.my>

(Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI).

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Tiger Balm Plaster-RD*

### -Penyimpanan

Disyorkan untuk menyimpan *Tiger Balm Plaster-RD* jauh daripada sinaran cahaya matahari dibawah 30°C dan disimpan di tempat yang kering. Simpan plaster yang tidak digunakan di pembungkus asal. Jangan mendedahkan plaster yang tidak digunakan di kawasan luar terlalu lama. Digunakan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pembuatan.

**-Pelupusan**

Plaster ubat tidak boleh dilupuskan melalui laluan air. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi anda cara pelupusan jika tidak diperlukan

**Maklumat Produk**

**-Rupa dan warna produk**

Tiger Balm Plaster-RD adalah pes berwarna coklat kekuningan dengan ciri bau yang bercampur dan tersebar pada kain dan dilitupi dengan film plastik.

**-Bahan-bahan kandungan**

Bahan aktif:

Camphor, Mentha Oil, Eucalyptus Oil, Menthol, Capsicum Extract.

Bahan tidak aktif:

Sorbitol Solution, Polyacrylic Acid, Glycerin, Kaolin, Propylene Glycol, Carmellose Sodium, Sodium Polyacrylate, Polysorbate 80, Hydrotalcite, Dihydroxyaluminum Aminoacetate, Purified Water.

**-Nombor MAL**

MAL 20014378X

**Pengilang**

Haw Par Healthcare Ltd.,  
2 Chia Ping Road, Haw Par Tiger  
Balm Building, Singapore  
619968.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Tiger Balm (M) Sdn.Bhd,  
PLO 95, No. 6, Jalan Firma 1/1,  
Tebrau Industrial Estate,  
81100 Johor Bahru, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP.**  
15/03/2018

**Nombor Siri**

NPRA (R4/1) 080218/00041